

# Penggunaan Buku Teks Dan Hubungannya Dengan Amalan Nilai Patriotisme Dari Perspektif Murid

*(Textbook Use And Its Relationship With The Practice Of Patriotism Values From A Student's Perspective)*

Sivakumar Ramachindran<sup>1\*</sup>, Mohd Mahzan Awang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [cva7771@gmail.com](mailto:cva7771@gmail.com)

Accepted: 15 April 2023 | Published: 30 April 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.60>

**Abstrak:** Patriotisme merupakan aspek penting dalam pendidikan negara kita. Aspek ini diterapkan melalui mata pelajaran Sejarah. Maka buku teks sejarah dijadikan alat bantu mengajar yang terbaik untuk pula memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai patriotisme ini dengan memasukkan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Buku teks sejarah yang tersusun dan berkualiti mampu meningkatkan pengetahuan sejarah dan amalan nilai patriotisme murid. Maka kajian ini dijalankan bagi melihat sejauhmana buku teks dapat menjadi alat memupuk nilai patriotisme dalam kalangan murid tingkatan 4 di sekolah menengah. Dengan menggunakan kaedah tinjauan, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif. 132 murid sejarah tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah Lembah Klang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Analisis deskriptif digunakan untuk meneliti data. Mengikut dapatan kajian, murid secara amnya menilai bahan buku teks sejarah 3.86 min dengan sisihan piawai 1.473. Keputusan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, murid mempunyai tahap persepsi yang sederhana tinggi terhadap maklumat dalam buku teks sejarah. Jumlah nilai min bagi persepsi murid terhadap amalan patriotisme ialah 3.54 dengan sisihan piawai 0.971. Keputusan ini menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap amalan patriotisme selalunya adalah sederhana positif. Dari perspektif murid, kajian ini membuktikan bahawa buku teks sejarah memberi kesan kepada amalan nilai patriotisme dalam kehidupan mereka. Nilai patriotisme bukan sekadar sesuatu nilai yang dibaca dan dihafal untuk peperiksaan sebaliknya ia perlu mendorong murid-murid untuk menghayati dan mengaplikasikan dalam kehidupannya.

**Kata kunci:** Buku Teks Sejarah, Mata pelajaran Sejarah, Amalan Nilai Patriotisme

**Abstract:** Patriotism is an important aspect of our country's education. This aspect is applied through history subjects. So, history textbooks are used as the best teaching aids to play an important role in applying the values of patriotism by including elements of citizenship and civic values. Organized and quality history textbooks can improve students' knowledge of history and the practice of patriotism. So, this study was conducted to see the extent to which textbooks can be a tool to cultivate the value of patriotism among 4th grade students in secondary schools. By using the survey method, this study uses a descriptive quantitative research design. 132 grade 4 history students from a Klang Valley secondary school participated in this study. Descriptive analysis was used to examine the data. According to the findings of the study, students generally rated history textbook material 3.86 min with a standard deviation of 1.473. These results show that overall, students have a moderately high

*level of perception of information in history textbooks. The total mean value for students' perception of patriotism is 3.54 with a standard deviation of 0.971. These results show that students' perception of patriotism is often moderately positive. From the students' perspective, this study proves that history textbooks have an impact on the practice of patriotism in their lives. The value of patriotism is not just something that is read and memorized for the exam, but rather it needs to encourage students to appreciate and apply it in their lives.*

**Keywords:** History Textbook, History Subject, Patriotism Value Practice

---

## 1. Pengenalan

Umum mengetahui, terdapat pelbagai alat bantu mengajar yang membantu guru menjalankan pengajaran di sekolah. Di dalam pelbagai alat ini, buku teks memainkan peranan yang penting membantu guru mempercepat, meningkatkan, dan mendidik murid. Hal ini kerana, buku teks merupakan rujukan utama murid dalam mengikuti pembelajaran di sekolah serta memainkan peranan penting membantu guru menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan murid (Abdul Razaq et al., 2016). Sehubungan dengan itu, buku teks mata pelajaran Sejarah telah melalui pelbagai perubahan selaras dengan keperluan semasa. Hal ini kerana, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bersama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) berganding bahu merangka kurikulum mata pelajaran sejarah yang bukan sekadar kandungan malah menekankan penerapan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme.

Patriotisme merujuk kepada semangat cinta akan negara yang mendalam. Hal ini sejajar dengan sikap generasi muda yang ambil mudah semua perkara termasuk kesetiaan kepada raja dan negara serta menghormati keluhuran perlembagaan yang menjadi asas pembinaan negara ini. Dari sudut pendidikan negara kita, penerapan amalan patriotisme ini diangkat oleh BPK dan BSTP yang mana BPK bertanggungjawab merangka kurikulum, manakala BSTP menterjemahkan kurikulum tersebut dalam bentuk buku teks. Justeru, Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP) Sejarah (2019) menekankan aspek memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan kekitaan bangsa Malaysia (Anuar et al., 2021).

Sehubungan dengan itu, kajian ini penting bagi melihat sejauhmana buku teks dapat menjadi alat memupuk nilai patriotisme dalam kalangan murid sekolah terutama di sekolah menengah. Menurut Artha Jeane et al. (2019), kita harus sedar bahawa nilai dan amalan patriotisme ini sangat mempengaruhi pembinaan sebuah negara bangsa. Dari perspektif murid, kajian ini penting untuk melihat sejauhmana buku teks sejarah memberi kesan kepada amalan nilai patriotisme dalam kehidupan mereka. Nilai patriotisme bukan sekadar sesuatu nilai yang dibaca dan dihafal untuk peperiksaan. Sebaliknya, murid-murid harus menghayati dan mengaplikasikan dalam kehidupannya. Sehubungan itu, satu kajian telah dijalankan tentang bagaimana murid memahami maklumat dalam buku teks sejarah. Secara lebih khusus, objektif kajian adalah:

- i. Mengenalpasti persepsi murid terhadap kandungan dan penggunaan buku teks sejarah sekolah menengah dalam penerapan amalan nilai patriotisme.
- ii. Mengenalpasti keberkesanan buku teks dalam memupuk nilai patriotisme dalam kalangan murid tingkatan 4.

## 2. Sorotan Literatur

Pada tahun 2012, Menteri Pendidikan ketika itu, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin telah mengumumkan satu perubahan besar yang bakal berlaku dalam dasar pendidikan negara. Pengumuman itu menyatakan bahawa bermula tahun 2013, mata pelajaran Sejarah akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hasrat kerajaan melalui pelaksanaan ini ialah untuk membuktikan bahawa mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang penting untuk dipelajari dan wajib lulus untuk mendapatkan sijil SPM dan seterusnya meneruskan pengajian. Namun, murid-murid tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap mata pelajaran ini kerana dianggap tidak menyediakan peluang pekerjaan yang berstatus tinggi dan tiada nilai ekonomi.

### **2.1 Sejarah Pengenalan Pendidikan Sejarah**

Sharipah et al. (2016) mendakwa Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula pada 2011 di sekolah rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula pada 2017 di sekolah menengah, Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib merupakan dua tunjang utama dasar pendidikan kebangsaan. Menurut Mookan et al. (2021), dalam kesemua dasar pendidikan ini, mata pelajaran Sejarah diberi penekanan disebabkan subjek Sejarah memainkan peranan penting dalam penerapan unsur patriotisme dan menjadi tunjang pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Oleh itu, sejarah telah dijadikan sebagai tajuk teras dalam KSSR pada tahun 2014 untuk memupuk rasa cintakan negara dan menjamin bahawa murid-murid mempunyai pemahaman dan penghayatan yang menyeluruh terhadap sejarah negara (Parvathy et al. 2021). Objektif keseluruhan pelaksanaan KSSR ialah transformasi pendidikan, iaitu proses membuat perubahan menyeluruh kepada kurikulum sekolah semasa dan melibatkan penyesuaian kepada bentuk kurikulum, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, prosedur pentaksiran, bahan, dan pengurusan kurikulum di sekolah.

### **2.2 Sejarah Penerbitan Buku Teks**

Sejarah buku di Malaysia bermula dengan penjajahan barat, terutama Belanda dan Inggeris. Mereka menggunakan buku sebagai alat propaganda perdagangan dan menyebarkan agama Kristian. Buku-buku daftar kata dan panduan bahasa lebih popular diterbitkan ketika itu. Pada awal abad ke-17, penerbitan buku telah dikuasai oleh Belanda. Pada tahun 1701, buku Melayu pertama diterbitkan di London. Ia merupakan karangan asli orang Inggeris berjudul *A Dictionary of English and Malayo, Malayo and English*, hasil karya Bowrey (Hamedi, 1997). Pada abad ke-17 dan 18 percetakan di Tanah Melayu tidak begitu aktif. Hanya pada abad ke-19 perkembangan pesat dapat dilihat. Di Tanah Melayu, percetakan dalam bahasa Melayu bermula di Melaka dengan percetakan misi Anglo-Chinese College Press (Hamedi, 1997). Akhir abad ke-19 menyaksikan pengenalan sistem pendidikan vernakular di negara kita. Ini membuka lembaran baharu dalam industri buku dengan penghasilan buku teks sekolah tempatan. Selain buku berbahasa Melayu untuk sekolah aliran bahasa Melayu. Sejarah penerbitan buku teks boleh dilihat dalam dua era iaitu pra dan pasca merdeka. Kedua-dua era ini menyaksikan pelbagai perubahan dalam dasar pendidikan negara yang turut mempengaruhi penerbitan buku teks. Laporan Jawatankuasa Khas mengkaji kurikulum Sejarah dan buku teks Sejarah sekolah menengah (KPM, 2012) menyatakan secara keseluruhannya kandungan buku teks dapat mencerminkan dan menterjemahkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum Sejarah seperti yang dihasratkan. Menurut jawatankuasa ini, buku teks juga berjaya membincangkan semangat perpaduan dan unsur patriotisme dari perspektif peristiwa Sejarah yang berlaku.

### **2.3 Penggunaan Buku Teks dalam Pembelajaran**

Mohd Samsudin dan Shahizan Shaharuddin (2012) menyatakan bahawa kandungan buku teks merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan matlamat pendidikan

negara. Kandungan buku teks sejarah mengandungi enam peringkat iaitu pengetahuan, mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta (Lau Yi Yi et al., 2020). Beliau menyatakan bahawa maklumat buku teks dilihat sebagai asas pengajaran sejarah yang sangat penting. Buku teks sejarah sekolah menengah berada dalam situasi yang unik kerana Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas penerbitannya. Guru yang mengajar di pelbagai tempat yang berlainan perlu memahami terlebih dahulu dengan mendalam kandungan buku teks dan kurikulum sebelum ianya disampaikan kepada murid. Cara penyampaian mungkin berbeza, tetapi guru tidak mempunyai hak untuk menukar kandungan dalam buku teks mengikut citarasa atau mengikut peristiwa setempat yang tidak dinyatakan dalam buku teks. Justeru, buku teks harus dijadikan panduan dan rujukan utama dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara. Sukar untuk mempertikaikan kepentingan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Hussein, 1985). Ini disebabkan buku teks memainkan peranan yang sama dalam proses pembelajaran pelajar sama ada di sekolah mahupun di rumah dalam sistem pendidikan negara ini. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa buku teks diperlukan di Malaysia sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran utama untuk murid dan guru.

### 3. Kaedah Kajian

Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini sebagai reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif. Dalam kajian ini, 132 murid Tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah yang terdapat di Lembah Klang telah mengambil bahagian. Kaedah rawak mudah digunakan untuk memilih murid-murid tersebut. Berdasarkan jadual Penentuan Krejice & Morgan (1970) dengan jumlah populasi 200 orang, saiz sampel 132 sampel ditentukan. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara murid melihat topik yang didapati dalam buku teks sejarah dan ungkapan patriotisme, alat kajian berbentuk soal selidik telah digunakan. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik yang dibina iaitu demografi murid (Bahagian A), bahan buku teks sejarah (Bahagian B) dan patriotisme (Bahagian C). Instrumen ini menggunakan skala Likert lima mata. Mengambil kira kajian awal, alat kajian ini telah diubah suai dan diselaraskan (Darmawan & Mulyana, 2016; Yusmium, 2015). Rajah berikut menggambarkan bagaimana kajian dijalankan.



Rajah 1: Prosedur Kutipan Data Kajian

Tiga puluh orang murid telah digunakan untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Dapatan analisis menunjukkan bahawa kebolehpercayaan dan kesahan adalah tinggi, dengan nilai Cronbach Alpha lebih daripada 0.70 (Jadual 1). (Idris, 2013).

**Jadual 1: Analisis Kebohpercayaan Instrumen**

Dimensi	Nilai Pekali Cronbach's Alpha	Bilangan Item
Kandungan Buku Teks Sejarah	0.876	20
Amalan Nilai Patriotisme	0.813	25
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.849</b>	<b>45</b>

Tafsiran skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 digunakan untuk menentukan tahap yang sesuai untuk menjawab soalan kajian, dan Jadual 3 digunakan untuk mengukur kekuatan pautan.

**Jadual 2: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Tahap Min
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.00 - 2.00	Rendah

Sumber: Sebilan et al. (2017)

**Jadual 3: Tafsiran Pekali Kolerasi**

Skor Min	Tahap Min
1.00	Sempurna
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
0.50 - 0.69	Kukuh
0.30 - 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Boleh diabaikan

## 4. Dapatan Kajian

Seramai 132 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 57 orang murid lelaki iaitu 43 peratus murid dan 75 orang murid perempuan yang mewakili 57 peratus telah menyertai kajian ini. Bukan itu sahaja, apabila meninjau umur peserta kesemua murid tersebut daripada tingkatan Empat yang berumur 16 tahun dan tidak mempunyai murid yang lebih umur. Selain itu, apabila melihat pada kaum 85 orang murid kaum India yang mewakili 64 peratus dan murid berkaum Cina sebanyak 47 orang yang mewakili peratus keseluruhan sebanyak 36 peratus telah dikenalpasti sebagai peserta kajian ini.

### 4.1 Mengenalpasti persepsi murid terhadap kandungan dan penggunaan buku teks sejarah sekolah menengah dalam penerapan amalan nilai patriotisme.

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama, 24 pernyataan yang berkaitan dengan bahan buku teks sejarah sekolah rendah telah diteliti. Keputusan khusus ditunjukkan dalam Jadual 4. Penarafan purata kandungan buku teks Sejarah oleh murid ialah 3.86, dengan sisihan piawai 1.473. Keputusan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, murid mempunyai tahap persepsi yang cukup baik terhadap maklumat dalam buku teks sejarah.



**Jadual 4: Persepsi Murid Terhadap Kandungan Dan Penggunaan Buku Teks Sejarah**

No	Item	Mean	SD
1	Buku Teks dalam PdP i. Guru kerap menggunakan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah ii. Guru meminta saya untuk rujuk buku teks untuk mengetahui maksud istilah dalam sesuatu bab yang diajar iii. Saya faham dengan isi kandungan yang terkandung di dalam buku teks mata pelajaran sejarah iv. Jumlah Latihan yang disertakan di akhir setiap bab adalah muncukupi v. Latihan di akhir setiap bab membantu saya memahami pelajaran secara lanjut/ mendalam	3.89	3.848
2	Kerja Rumah melalui Buku Teks i. Guru kerap memberikan kerja rumah menggunakan buku teks ii. Saya merujuk buku teks untuk menghabiskan kerja rumah yang diberikan oleh guru iii. Buku teks merupakan bahan yang sangat sesuai untuk memberikan kerja rumah iv. Penggunaan peta minda dalam buku teks memudahkan tugas kerja rumah saya v. Penerangan dalam buku teks membantu mencari jawapan dengan mudah	3.87	0.891
3	Nota dari buku Teks i. Nota buku teks memudahkan saya membuat nota rujukan untuk bacaan saya ii. Nota dari buku teks sangat jelas dan mudah untuk difahami. iii. Grafik yang digunakan dalam buku teks dan persembahan informasi mudah untuk dibaca dan difahami. iv. Saya dapat menyediakan nota sendiri sebagai nota tambahan daripada kandungan buku teks. v. Bahasa yang digunakan mudah difahami membolehkan saya menggunakan buku teks sebagai nota rujukan.	3.82	0.882
4	Bahan Rujukan Tambahan i. Buku teks mengandungi bahan rujukan digital seperti QR Code yang menjimatkan masa pencarian maklumat ii. Buku teks mengandungi sumber rujukan tambahan yang memudahkan carian iii. Bahan rujukan tambahan memudahkan pemahaman terhadap sesuatu topik iv. Pemberian Glosari dalam setiap bab membantu saya memahami sesuatu istilah dengan jelas v. Sudut info dalam buku teks memberikan pemahaman yang mendalam terhadap topik	3.79	0.961
	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.86</b>	<b>1.473</b>

Berdasarkan Jadual 4, hasil kajian menunjukkan, Responden berpendapat bahawa guru kerap menggunakan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Selain itu, jumlah latihan yang disertakan di akhir setiap bab adalah muncukupi. Murid juga berpendapat bahawa buku teks telah menapis maklumat-maklumat yang dianggap sensitive. Keperluan untuk mereka menyediakan nota sendiri sebagai nota tambahan daripada kandungan buku teks adalah sangat rendah disebabkan nota dalam buku teks itu sendiri sudah mencukupi. Selain itu, buku teks

turut mengandungi bahan rujukan digital yang boleh menjimatkan masa pencarian maklumat bagi mereka.

#### 4.2 Mengenalpasti keberkesanan buku teks dalam memupuk nilai patriotisme dalam kalangan murid tingkatan 4.

Secara amnya, persepsi murid terhadap amalan patriotisme mempunyai min keseluruhan 3.54 dan sisihan piawai 0.971. Keputusan ini menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap amalan patriotisme selalunya adalah sederhana positif.

**Jadual 5: Persepsi Murid Terhadap Kandungan Dan Penggunaan Buku Teks Sejarah**

No	Item	Mean	SD
1	Berbangga Sebagai Rakyat Malaysia i. Saya sentiasa mengamalkan rasa hormat pada raja dan pemimpin negara. ii. Saya menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh negara yang telah berkorban demi kesejahteraan negara Malaysia. iii. Saya sentiasa menghormati lambang-lambang negara seperti bendera, lagu kebangsaan, jata negara iv. Saya sentiasa menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa rakyat Malaysia v. Saya berbangga dengan sejarah negara saya	3.61	0.985
2	Semangat Setia negara i. Saya sentiasa mengamalkan semangat cinta akan bangsa dan negara ii. Saya sentiasa taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara iii. Saya berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara iv. Saya peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara v. Saya bersyukur sebagai warganegara Malaysia	3.68	0.924
3	Semangat Kekitaan i. Saya sering mengamalkan semangat bersatupadu dan berharmoni ii. Saya akan mengamalkan nilai bertolak ansur dan bertoleransi dalam kehidupan saya iii. Saya sentiasa menghormati budaya dan adat masyarakat lain di negara kita. iv. Saya sering bekerjasama dan tolong menolong antara rakan dan jiran v. Saya sering menghadiri majlis-majlis penting seperti rumah terbuka yang diadakan.	3.65	0.935
4	Berdisiplin i. Saya sentiasa mengamalkan nilai berakhlak dan berbudi pekerti mulia ii. Saya sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang negara iii. Saya bertindak wajar dalam segala tindakan yang saya akan ambil iv. Saya sentiasa berkelakuan sopan, dan berhemah tinggi di mana jua saya berada. v. Saya mengamalkan sikap amanah dan jujur dalam setiap tindakan saya.	3.87	0.891
5	Berusaha dan Produktif i. Saya sentiasa rajin dan gigih dalam melaksanakan tugas saya. ii. Saya sering berdikari dalam menyelesaikan/ menghadapi sesuatu masalah. iii. Saya sentiasa tabah menghadapi sebarang masalah dalam kehidupan saya. iv. Saya berganding bahu dengan kerajann membangunkan negara. Saya sentisa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu saya.	3.39	1.00
	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.54</b>	<b>0.971</b>

Berdasarkan Jadual 5, murid berpendapat bahawa mereka berbangga sebagai rakyat Malaysia berdasarkan pembacaan daripada buku teks. Mereka juga lebih bersemangat setia kepada negara berdasarkan penggunaan buku teks dalam pembelajaran harian. Hasil dapatan juga membuktikan bahawa murid sering mengamalkan semangat bersatupadu dan berharmoni. Mereka mengamalkan nilai bertolak ansur dan bertoleransi dalam kehidupannya dan sentiasa mengamalkan nilai berakhlak dan berbudi pekerti mulia, mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta mengamalkan sikap amanah dan jujur dalam setiap tindakannya. Walaubagaimanapun murid kurang peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara.

## 5. Perbincangan

Dalam kajian ini, murid berpendapat bahawa buku teks telah menapis maklumat-maklumat yang dianggap sensitif malah mereka perlukan peristiwa-peristiwa penting yang dianggap sensitif perlu diceritakan tanpa tapisan dalam buku teks. Hal ini disokong oleh Ahmad et al., (2013), dengan mengatakan bahawa pengajaran sejarah yang tepat kepada murid tidak menjadi masalah. Kandungan kurikulum dalam buku teks mempengaruhi amalan nilai patriotisme responden dari segi pengetahuan dan pemahaman tentang peristiwa sejarah. Menurut Dahlan (2003), salah satu punca murid tidak menggunakan buku teks ialah bahan yang ditawarkan kadangkala tersilap dan mengelirukan. Buku teks sejarah yang berkualiti tinggi, adalah buku yang disusun secara sistematik dan mempunyai banyak maklumat yang bernas (Fernado, 2017). Maka, keazaman untuk memasukkan hanya fakta terpilih dalam kurikulum telah mengatasi kepentingan sejarah berhubung dengan intelektual yang menghargai semangat inkuiri bebas untuk memahami tingkah laku manusia lampau (Rupawan 1990). Manakala dalam kajian ini pula, buku teks Sejarah mengandungi sumber rujukan tambahan yang memudahkan carian bagi murid dalam mengetahui suatu peristiwa.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa murid berpendapat bahasa yang digunakan mudah difahami membolehkan mereka menggunakan buku teks sebagai nota rujukan serta mereka dapat memahami nota dari buku teks sangat jelas dan mudah. Tema, strategi pengajaran dan penilaian dalam buku teks berkualiti tinggi adalah relevan dengan keadaan negara disokong oleh kajian Novianto & Mustadi (2015). Kandungan buku teks sejarah harus merangkumi pelbagai aktiviti, seperti kertas projek, yang membolehkan murid mempelajari sejarah dengan lebih cekap (Darmawan et al. 2016) dan Novianto et al. (2015). Bagaimanapun, menurut kajian Samsudin dan Shahrudin (2012), maklumat dalam buku teks Sejarah Malaysia sebenarnya tidak mencukupi untuk memberi respons secukupnya kepada masalah sosial kerana mengandungi fakta yang samar-samar dan menimbulkan perbalahan. Malah hasil dapatan kajian ini amat berbeza dengan membuktikan bahawa murid telah berpendapat jumlah latihan yang disertakan di akhir setiap bab dalam buku teks Sejarah adalah muncukupi. Mereka juga berpendapat bahawa buku teks mengandungi bahan rujukan digital yang menjimatkan masa pencarian maklumat bagi mereka.

Seterusnya, hasil kajian membuktikan bahawa responden amat berbangga untuk menjadi sebagai warganegara Malaysia yang sentiasa taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara berdasarkan pembacaan daripada buku teks. Wilbinah (2013) menyatakan bahawa murid boleh mengenal keadaan negara mereka sendiri, memupuk kasih sayang terhadap negara, hormati kedaulatan negara dan mewujudkan semangat perpaduan antara kaum apabila mengikuti PdP daripada mata pelajaran Sejarah. KPM juga telah memastikan unsur patriotisme dapat diterapkan dalam kalangan murid dengan melaksanakan penyemakan semula kurikulum Sejarah. Dapatan ini selaras dengan dapatan Nazri dan Jamsari (2004) yang mendedahkan bahawa mata pelajaran Sejarah di sekolah diperhatikan adalah relevan dalam usaha memupuk



nilai masyarakat, intelek dan pembangunan sosial bagi membentuk keperibadian seseorang individu ke arah patriotisme.

Sejajar dengan itu, keseluruhan dapatan kajian ini mendedahkan bahawa penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan murid melalui subjek Sejarah adalah positif dan memuaskan. Hal ini selaras dengan kajian Abdul Razaq et al. (2016) bahawa memperoleh nilai daripada peristiwa sejarah berdasarkan kandungan pembelajaran serta kajian Haminah (2010) yang menunjukkan peratusan tinggi pengetahuan patriotisme dalam Sejarah dalam kalangan murid. Sejarah memainkan peranan penting kerana ia menyediakan platform yang kukuh untuk murid memperoleh pengetahuan tentang nilai sejarah yang seterusnya menggalakkan tingkah laku patriotik mereka., tahap disiplin adalah yang paling tinggi berbanding dengan semangat kekitaan dan kesetiaan kepada negara. Hasilnya juga menunjukkan bahawa tahap rajin dan produktiviti berada pada tahap yang memuaskan. Murid berpendapat bahawa sentiasa mengamalkan nilai berakhlak dan berbudi pekerti mulia, mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta mengamalkan sikap amanah dan jujur dalam setiap tindakannya. Hasil dapatan juga membuktikan bahawa murid sering mengamalkan semangat bersatupadu dan berharmoni serta mereka mengamalkan nilai bertolak ansur dan bertoleransi dalam kehidupannya.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, murid dapat mempelajari sejarah dan memahami tentang permulaan dan perkembangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik khususnya di Malaysia. Matlamat penting Sejarah adalah untuk memupuk semangat kekitaan dan cintakan negara dengan menyemai nilai patriotisme dan berbangga menjadi rakyat Malaysia. Kesedaran dan penerimaan identiti masyarakat berbilang etnik sudah pasti telah memajukan aspirasi Malaysia untuk menubuhkan sebuah negara bangsa. Apabila memilih maklumat untuk kurikulum, prinsip patriotik sejarah harus dibezakan daripada ideologi dan propaganda tertentu.

## Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. 2016. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Mata Pelajaran Sejarah: Perlaksanaan Cabaran. Proceeding 7th International Seminar on Regional Education. 435-445
- Anuar bin Ahmad, Peter Ling Huo Hang, 2020, Berbangga sebagai rakyat Malaysia: satu kajian tentang pengetahuan nilai patriotism murid berdasarkan pembelajaran isi kandungan sejarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad, A. R., Awang, M. M., Seman, A. A. & Abdullah, R. B. (2013). The Skills of Using History Textbooks In Secondary School. *Asian Social Science*, 9(12): 229.
- Anuar Ahmad, Peter Ling Huo Hang & Nur Atiqah Tang Abdullah, 2021. Pengetahuan nilai patriotisme murid berdasarkan pembelajaran subjek sejarah. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 95-116.
- Artha Jeane Claudya Amanda Kalalo, Ahadi Sulissiawan, A. Totok Priyadi, 2019. Nilai patriotism dalam novel Keluarga Gerilja dan implementasinya sebagai pembelajaran di sekolah. *Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Tanjungpura, Pontianak*, 1-12.
- Darmawan, W. & Mulyana, A. (2016). Antara sejarah dan pendidikan sejarah: analisis terhadap buku teks pelajaran sejarah SMA berdasarkan kurikulum 2013. *Factum, Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, 5(2).

- Dahlan, M. A. (2003). Penggunaan buku teks di Sekolah Bestari: tumpuan kepada Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan/Mas Ayu binti Dahlan (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Fernando, J. M. (2017). Penubuhan Persekutuan Malaysia Dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima. Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5.
- Hussein Hj. Ahmad, 1985. Penggubalan kurikulum baru sekolah menengah: peranan buku teks dan peperiksaan dalam KBSM, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia, (7), 1-11
- Jais Abdul Hamid, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Sharifah Darmia Sharif Adam, Budi Anto Mohd Tamring dan Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Penerapan patriotism dalam kalangan guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah, *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)* 6 (23), 42-56.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Laporan jawatankuasa mengkaji kurikulum sejarah dan buku teks sejarah sekolah menengah.
- Lau Yi Yi, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman, Kandungan buku teks sejarah dan hbungannya dengan pengetahuan murid, *Jurnal Personalia Murid* 23(2), 59-67.
- Jais Abdul Hamid, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Sharifah Darmia Sharif Adam, Budi Anto Mohd Tamring & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. 2021. Penerapan unsur patriotisme dalam kalangan guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. 6(23). 42-56.
- Mohd Khir bin Kassim. 2017. Meningkatkan penguasaan murid dalam penulisan esei melalui teknik formula. *Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam*. 1: 79-95.
- Mookan, N., Ahmad, A. R., dan Othman, N. 2021. Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238.
- Muhammad Fathurrohman, Dr. 2017. Belajar dan pembelajaran moden: Konsep dasar, inovasi dan teori pembelajaran. Penerbit Garudhawaca, Yogyakarta. 178-187
- Novianto, A. & Mustadi, A. (2015). Analisis buku teks muatan tematik integratif, scientific approach, dan authentic assessment sekolah dasar. *Jurnal Kependidikan: Penelitian Inovasi Pembelajaran*, 45(1)<sup>[17]</sup><sub>SEP</sub>
- Parvathy Rajan naidu, Norliza Abdul Majis, Suppiah Nachiappan, Jaya Kumar Veerasamy. 2021. Pengaruh sekolah terhadap amalan semangat patriotisme dalam kalangan murid sekolah menengah. *Evaluation Studies in Social Sciences* 2(1). 22-28.
- Rupawan Ahmad. 1990. Sejarah, masyarakat dan pendidikan. *JEBAT*, 18: 59-69.
- Samsudin, M. & Shahrudin, S. H. A. (2012). Pendidikan Dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2).
- Sharipah Aini Jaafar Arba'iyah Mohd Noor. 2016. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaransejarah di sekolah-sekolah di Malaysia, 1957 -1989, *Sejarah*, No. 25(2), 40-57.
- Siti Fatimah Ahmad, dan Ab Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pendidikan J-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2), 53-6
- Wilbinah. 2013. Kaedah Soalan Sejarah Kertas 3 SPM Pentaksiran 2013 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah: Meningkatkan Semangat Patriotisme Murid. *Prosiding Seminar Sejarah Dan Geografi 2013*, hlm. 188-213